

DATE: 4/11/2010

Janji Dr. M satu pengiktirafan - Perkasa

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) menyifatkan janji bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk sentiasa mendekati pertubuhan tersebut sebagai mengiktiraf perjuangan mereka.

Naib Presidennya, Dr. Zubir Harun berkata, janji tersebut merupakan bukti perjuangan Perkasa untuk membela nasib orang Melayu telah diterima oleh orang ramai.

"Kami akan sentiasa menyokong pihak yang memperjuangkan nasib orang Melayu tanpa mengira parti kerana Perkasa merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Tetapi hanya UMNO yang dilihat begitu serius dalam memajukan nasib orang Melayu dan selagi perjuangan tersebut tidak berubah, kami akan terus menyokong UMNO," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas janji yang dibuat oleh Dr. Mahathir untuk sentiasa mendekati Perkasa bagi memastikan ia terus menyokong Barisan Nasional (BN) dan UMNO serta tidak beralih kepada pembangkang.



DR. MAHATHIR

Dr. Mahathir dalam entri yang terbaru di laman web <http://chedet.co.cc> semalam berkata, NGO seperti Perkasa menjadi landasan untuk lebih meyakinkan orang Melayu supaya bangkit memperjuangkan dan mempertahankan hak sendiri.

Sementara itu, Setiausaha Agung Perkasa, Syed Hassan Syed Ali berkata, segala usaha yang telah dilaksanakan oleh UMNO yang kini diterajui Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memperkasakan orang Melayu dan bu-

miputera di negara ini, amat berjaya.

"Dalam ucapan penggulungan Najib pada Perhimpunan Agung UMNO 2010 baru-baru ini juga telah menyentuh tentang 90 peratus kepentingan orang Melayu.

"Ini jelas menunjukkan Perdana Menteri begitu prihatin dalam memperkasakan orang Melayu tanpa mengeneipkan hak-hak kaum lain," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Dr. Zubir turut berterima kasih kepada Perdana Menteri yang telah mempertimbangkan beberapa cadangan Perkasa antaranya mewujudkan Ya-

uasan Hartanah Bumiputera.

Sementara itu, veteran UMNO, Tan Sri Zaleha Ismail berkata, sokongan Dr. Mahathir terhadap Perkasa merupakan satu langkah yang bijak khususnya dalam menjaga hak-hak keistimewaan orang Melayu.

"Saya sendiri menyokong perjuangan Perkasa kerana mereka begitu lantang memperjuangkan isu-isu melibatkan orang Melayu.

"Sokongan Perkasa terhadap UMNO juga dilihat akan menyatukan kembali orang Melayu dan juga memperkukuhkan kuasa politik dan sosioekonomi," ujarnya.